

HARI : ISNIN

22/7/2019

TARIKH :

M/SURAT :

1

Kawal kemasukan vape di sempadan

“Bahagian Kawalan Penyakit juga sedang atur perbincangan dengan Kementerian Pendidikan mengenai isu penggunaan vape dalam kalangan pelajar sekolah.”

DATUK SERI DR. DZULKEFLY AHMAD

»2 & 3



Elak lambakan vape di sempadan negara

Minta bantuan agensi penguatkuasaan



Laporan
KHAS

BAHAGIAN AKHIR

■ SEREMBAN 21 JULAI

KEMENTERIAN Kesihatan meminta kerjasama agensi penguatkuasaan di sempadan negara meningkatkan kawalan terhadap rokok elektronik atau vape bagi mengelakkan lambakan produk tersebut di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Dzulkefly Ahmad berkata, kemasukan produk tersebut dapat dikawal jika pihaknya mendapat kerjasama agensi penguat kuasa seperti Jabatan Kastam Diraja dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna.

"Saya ingin menegaskan penguatkuasaan kawalan pintu masuk yang melibatkan Jabatan Kastam perlu dipertingkatkan, khususnya kemasukan produk yang bernikotin."

"KPDNHEP juga boleh membantu memainkan peranan dalam lambakan produk vape dan e-rokok misalnya berbin-cang bersama Rangka Kerja Kawalan Tembakau (FCTC) mengenai standard kawalan produk tersebut dalam negara," katanya selepas menghadiri Majlis Tilawah Al-Quran KKM pertingkat Kebangsaan kali ke-30 di sini, hari ini.

Dzulkefly berkata, kementerian sendiri turut mengambil beberapa tindakan termasuk menu-buhkan Jawatankuasa Kerja

Jumlah pelajar terlibat meningkat, berleluasa di sekolah

MUDAHNYA MURID BELI VAPE

Kucing buta meninggalkan pertandingan 68%

PANGGUNG INDONESIA

Era Fazira malang si cantik 38 & 39

SENYUM KAMBING

KPDNHEP juga boleh membantu memainkan peranan dalam lambakan produk vape dan e-rokok misalnya berbin-cang bersama Rangka Kerja Kawalan Tembakau (FCTC) mengenai standard kawalan produk tersebut dalam negara," katanya selepas menghadiri Majlis Tilawah Al-Quran KKM pertingkat Kebangsaan kali ke-30 di sini, hari ini.

Trend membimbangkan murid tahun empat dan lima sudah mula hasil vape basah ke sekolah, berani hasil dalam helar, pengaruh rakan sen. Tidak kawalan pengurian, urus naga dalam talian. Bayar guna Paypal atau deposit tunai kepada penjual. Ada pelajar jadi raya nel pada rakan, tawar ba

KONFLIK PKR:
21 anggota MP tidak hadir pemukiman»
Perpecahan 'tulen' »15

Nak berpolitik jangan beban polis

Ketua Polis Negara tidak boleh berinterfere menghalang kawalan produk

KERATAN akbar Minguan Malaysia semalam.

Pakar yang dianggotai penguat kuasa farmasi, sektor inspektorat kementerian, KPDNHEP dan FCTC.

Jawatankuasa itu yang dipengerusi kan timbalan saya Dr. Lee Boon Chye telah bermesyuarat kali pertama pada 16 Julai lalu dan akan bermesyuarat untuk kali kedua esok bagi memperincikan penguatkuasaan terhadap vape yang bernikotin dalam masa terdekat ini, memandangkan bahan dikawal di bawah Akta Racun.

"Bahagian Kawalan Penyakit juga sedang atur perbincangan dengan Kementerian Pendidikan mengenai isu penggunaan vape dalam kalangan pelajar sekolah," katanya.

Tambahnya, kementerian juga berharap agar kerjasama dapat dijalankan dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia termasuk stesen televisyen

bagi memastikan iklan secara langsung atau tidak langsung terhadap vape dibanteras dan dicegah.

Sementara itu, Kementerian Pendidikan pandang serius penjualan vape kepada murid sekolah.

Dalam satu kenyataan, kementerian menegaskan, pihaknya akan bekerjasama erat dengan KPDNHEP untuk membendung penjualan bahan terlarang berkenaan.

"Hasil pemantauan dan aduan yang diterima, kementerian dapat jualan bahan tersebut adalah di luar kawasan sekolah."

"Kementerian turut mengambil langkah sewajarnya dalam memberi pendedahan tentang larangan membeli dan bayara penggunaan bahan itu dari sudut kesihatan selain mengingatkan ibu bapa memantau kegiatan anak-anak yang menjurus ke arah ini," katanya di sini hari ini.